

Program CSR UniKL BMI ringankan beban asnaf

Dalam pada menyambut Ramadan kali ini, pihak Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (SRC UniKL BMI) berkolaborasi bersama 17 buah kelab aktiviti di UniKL BMI dan menganjurkan Program Tautan Kasih Syawal di Gombak, Selangor.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu bertujuan memberi barang keperluan asas dapur kepada golongan asnaf yang tinggal di sekitar Kampung Gombak Utara, Gombak bagi meringankan beban mereka dalam menyambut Ramadan dan Syawal.

Pengarah program yang juga Presiden Jawatankuasa Perwakilan Pelajar UniKL BMI, Nurul Hazirah Indra berkata, seramai 60 orang sukarelawan telah terlibat dalam mengedarkan

sebanyak 97 kotak berisi barang-barang keperluan asas dapur seperti beras, minyak masak, gula, garam, kicap, susu serta tepung gandum kepada golongan asnaf.

Nurul Hazirah turut menyeru, program CSR seperti ini seharusnya



diwajibkan di setiap institusi pengajian sama ada IPTA atau IPTS kerana program seperti ini memainkan peranan penting sebagai platform bagi mahasiswa untuk berbakti kepada masyarakat.

Program ini juga mendapat sokongan penuh pengurusan UniKL BMI terutamanya daripada Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Gaya Hidup Kampus, Mejaz Bersekutu PA Azrul Hisyam Abdul Rahman yang turut serta dalam program ini.

Menurutnya, program ini adalah program CSR terbesar yang pernah dianjurkan di UniKL BMI sambil mengharapkan program

seperti ini diteruskan dan dikembangkan lagi pada masa hadapan.

"Program ini merupakan satu inisiatif yang sangat bagus daripada pihak Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (SRC UniKL BMI) dan ini merupakan program terbesar yang pertama kali dianjurkan di UniKL BMI kerana melibatkan 17 kelab aktiviti dan SRC UniKL BMI, dan Alhamdulillah program ini berjalan dengan sangat lancar dan harap program seperti ini dapat dianjurkan lagi serta melibatkan lebih banyak lagi kelab aktiviti dan pihak luar pada masa akan datang," katanya.



Azrul Hisyam bergambar bersama semua yang terlibat di dalam program berkenaan.

Azrul Hisyam diiringi Nurul Hazirah (kanan) menyampaikan barang keperluan kepada salah seorang penerima.

Info Angka

- **17 kelab aktiviti** UniKL BMI
- **60 sukarelawan** terlibat
- **97 kotak** barang keperluan asas diedarkan